



Bekalan topeng muka berkurangan di pasaran kerana permintaan yang tinggi susulan penularan Covid-19.

Kerajaan larang eksport topeng muka ke luar negara

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP) menyedari kekurangan bekalan topeng muka di pasaran ketika ini akibat penularan wabak koronavirus (Covid-19).

KPDNHEP dalam satu kenyataan semalam berkata, kerajaan telah mengambil langkah mewartakan larangan eksport topeng muka ke luar negara dan membenarkan import topeng muka dari luar negara bagi meningkatkan bekalan topeng muka di pasaran tempatan.

Menurut kenyataan itu lagi, segala eksport topeng muka ke luar negara adalah tidak dibenarkan kerana Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan) (No 2) 2020 telah diwartakan di bawah Akta Kastam 1967 pada 20 Mac 2020.

“Kerajaan telah melaksanakan sesi libaturus dengan pengeluar topeng muka tempatan.

“Bagaimanapun, harga bahan mentah topeng muka yang 90 peratus diimport dari luar negara telah meningkat ke tahap yang tidak ekonomikal untuk pengeluaran dan pasaran runcit sejak wabak Covid-19 melanda dunia.

“Kesemua empat buah kilang pengeluar topeng muka tempatan telah bersetuju untuk meningkatkan pengeluaran dan bekalan domestik, namun masih tidak mencukupi untuk sektor kesihatan dan barisan hadapan yang mengurus serta merawat pesakit yang perlu diberi keutamaan terutama selepas gelombang kedua Covid-19 di Malaysia,” kata KPDNHEP.